

MODEL TABDIR URUS ZAKAT DI UNIVERSITI AWAM: PERBANDINGAN PUSAT WAKAF DAN ZAKAT (PWZ), DAN PUSAT PENGURUSAN WAKAF, ZAKAT DAN ENDOWMEN (WAZAN)

*Zakat Management Model In Public Universities: A Comparison Between
 Pusat Wakaf Dan Zakat (PWZ), And Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan
 Endowmen (WAZAN)*

Mushaddad Hasbullah^{1a*}, Syahnaz Sulaiman^{2b}, Hakimah Hamir^{3c} dan Azman Ab Rahman^{4d}

^aPusat Wakaf dan Zakat, Kompleks Islam Tuanku Muhriz, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
 Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: mushaddad@usim.edu.my¹

^bPusat Wakaf dan Zakat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
 Emel: syahnaz@usim.edu.my²

^cPusat Wakaf dan Zakat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
 Emel: hakimah@usim.edu.my³

^dInstitut Fatwa dan Halal, (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
 Emel: azman@usim.edu.my⁴

*Corresponding Author: mushaddad@usim.edu.my

Received: 26 April 2024

Accepted: 20 May 2024

Published: 31 May 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no2.590>

| Abstrak | Abstract |
|--|---|
| <p>Kenaikan kos sara hidup memberi kesan yang besar kepada perbelanjaan pelajar terutamanya mahasiswa universiti. Bagi menyokong kewangan para mahasiswa, kerajaan dan universiti mengambil langkah proaktif untuk meluaskan pendanaan universiti melalui dana sosial seperti zakat dan wakaf. Kertas kerja ini bertujuan untuk membandingkan tadbir urus pengurusan zakat di universiti awam iaitu antara Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pusat Wakaf Zakat dan Endowmen (WAZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM). Maklumat dan analisis bagi kedua-dua pusat pengurusan zakat universiti ini menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian</p> | <p>The increase in the cost of living has a significant impact on student spending, especially university students. To support students financially, the government and universities take proactive steps to expand university funding through social funds such as zakat and waqf. This paper aims to compare the governance of zakat administration between two public universities: the Waqf and Zakat Centre (PWZ), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) and the Waqf, Zakat and Endowment Centre (WAZAN), Universiti Putra Malaysia (UPM). This study uses a qualitative approach to gain information and analyse the data for the zakat management approach from both</p> |

| | |
|--|--|
| <p><i>mendapati kedua-dua PWZ dan WAZAN mempunyai dua jawatankuasa utama bagi menguruskan zakat yang melibatkan pelaporan operasi zakat dari segi kutipan dan agihan, serta membuat keputusan melibatkan dasar dan polisi serta pengurusan agihan zakat di peringkat universiti. Berdasarkan tadbir urus kedua-dua universiti, kajian ini mencadangkan supaya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan pengurusan tertinggi universiti memberi autonomi sepenuhnya kepada pusat zakat universiti untuk menyelaras semua aktiviti berkaitan zakat di universiti masing-masing selain membenarkan kutipan dibuat di sekitar kawasan universiti</i></p> <p>Kata kunci: zakat, urus tadbir, universiti awam</p> | <p><i>universities. The results of the study found that both PWZ and WAZAN have two main committees to manage zakat which involves reporting zakat operations in terms of collection and distribution and making decisions concerning policies and zakat distribution management within the university. Based on the governance of the two universities, this study suggests that the State Islamic Religious Council and the university's top management grant the zakat centre autonomous authority to oversee all zakat-related activities within their respective universities and allow collections to be made around the university area.</i></p> <p>Keywords: zakat, governance, public universities</p> |
|--|--|

1.0 PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu institusi penting dalam sektor ijtima'i (sosial) berdasarkan kerangka sistem ekonomi Islam dalam mengumpulkan lebihan harta kekayaan, untuk diagihkan kepada lapan golongan asnaf yang memerlukan. Peranan dan fungsi zakat khususnya dari sudut tadbir urus sering diperbahaskan serta mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji lebih-lebih lagi dalam situasi apabila masyarakat berdepan dengan pelbagai cabaran dan dugaan kehidupan.

Pengurusan zakat di universiti awam (UA) bukanlah satu perkara baharu. Lantikan pertama UA sebagai penolong amil atau ejen zakat telah bermula sejak tahun 1998. Lembaga Zakat Selangor misalnya telah memberikan kebenaran kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai UA untuk mengutip dan mengagih zakat kepada warganya yang tergolong sebagai asnaf (Hashim & Mustaffa, 2012; Md Ismail & Ali, 2022).

Lantikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) sebagai ejen atau penolong amil adalah begitu signifikan bagi melancarkan agenda agihan zakat pendidikan kepada asnaf dalam kalangan pelajar untuk memperoleh peluang pendidikan yang optima setanding dengan rakan-rakan yang lain dan seterusnya mengubah nasib mereka (Md Ismail & Ali, 2022). Bantuan kewangan

pendidikan juga penting bagi meningkatkan kecemerlangan mental, fizikal dan rohani (Jalil et al., 2017) para pelajar khususnya bagi mendepani cabaran peningkatan kos sara hidup dan keperluan pengajian yang semakin tinggi akhir-akhir ini (Md Ismail & Ali, 2022).

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Kenaikan kos sara hidup serta keperluan untuk melanjutkan pengajian menyebabkan ramai pelajar cemerlang dan berpotensi tidak melanjutkan pelajaran ke IPT. Bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman kurang mendapat respons positif daripada pelajar dan isu ini terus berlarutan tanpa suatu penyelesaian yang konkret. Hal ini dilihat boleh menjelaskan agenda pembangunan dan pembinaan negara pada masa hadapan. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan menggalakkan institusi pendidikan untuk mencari solusi alternatif menerusi pendanaan sosial seperti wakaf dan zakat untuk menyokong sumber kewangan universiti (Allah Pitchay et al., 2020).

Dalam usaha untuk menjadikan dana sosial sebagai salah satu instrumen sokongan kewangan universiti, UA seluruh Malaysia mengambil inisiatif untuk mendapatkan status ejen zakat atau penolong amil. Lantikan UA sebagai ejen atau penolong amil memberi kesan positif kepada agihan zakat pendidikan terutamanya dalam keberkesanan agihan zakat di UA. Pelajar sepenuh masa di UA boleh dikategorikan sebagai asnaf kerana berasal daripada keluarga yang tidak berkemampuan selain pelajar itu sendiri tidak mempunyai pendapatan tetap. Bahkan ada sebahagian daripada mereka yang terpaksa menganggur buat sementara waktu selepas menamatkan pengajian. Bagi membebaskan diri dan keluarga daripada belenggu kemiskinan, terdapat segelintir pelajar asnaf memilih untuk bekerja sambil belajar bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup sehingga mereka berdepan dengan cabaran untuk mengimbangi waktu belajar dan waktu bekerja. Hal ini seterusnya mempengaruhi kualiti pelajaran dan hidup mereka. Oleh itu, mahasiswa penuntut ilmu di UA layak menerima bantuan zakat tanpa mengambil kira faktor kaya atau miskin (Md Ismail dan Ali, 2022) di bawah kategori asnaf fi sabillallah.

Namun begitu, persepsi dan keyakinan pelajar terhadap kewujudan dan peranan pusat zakat di UA masih rendah (Jalil et al., 2017). Pusat zakat di UA seluruh Malaysia perlu membina reputasi yang lebih baik bagi mengubah persepsi dan keyakinan pelajar terhadap peranan pusat zakat UA. Dalam hal ini, USIM sebagai salah satu ejen zakat yang dilantik oleh Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) sentiasa peka dengan keperluan pelajar dengan mengambil pelbagai pendekatan proaktif bagi memperbaiki perkhidmatan dan bantuan

yang ditawarkan kepada pelajar.

2.1 *Objektif*

Pusat zakat IPTA seluruh Malaysia secara amnya bertanggungjawab untuk menguruskan kutipan zakat dan seterusnya membuat agihan zakat kepada golongan asnaf yang memerlukan khususnya dalam kalangan warga kampus. Selain itu, pusat zakat IPTA juga berperanan untuk menyerlahkan fungsi dan peranan mereka dalam penyaluran bantuan kebaikan kepada warga universiti. Hal ini bagi meningkatkan imej dan reputasi serta mengubah persepsi terhadap institusi ini ke arah meningkatkan keyakinan pelajar terhadap kepentingan pusat zakat. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk menjelaskan secara terperinci berhubung tadbir urus zakat di Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ) USIM. Perbandingan tadbir urus juga dibuat dengan institusi zakat di IPTA yang lain iaitu Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM).

Artikel ini akan menjelaskan mengenai sejarah dan latar belakang, struktur organisasi serta fungsi pusat zakat di USIM dan UPM, dan jumlah kutipan dan agihan bagi tahun 2022 yang dibuat di kedua-dua institusi berkenaan. Perbandingan ini dibuat bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan tadbir urus di universiti awam di bawah pihak berkuasa negeri yang berlainan.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan pengumpulan data melalui kaedah dokumentasi (Md Ismail & Ali, 2022), maklumat dalaman (Othman, 2019) serta tinjauan literatur dengan menganalisis kandungan dokumen dan teks (Othman, 2019). Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat primer dari institusi yang terlibat. Sumber data kajian termasuklah dokumen dalaman organisasi, laman web, laporan dan artikel.

Kajian ini tertumpu kepada penolong amil atau ejen zakat dalam kalangan IPTA. Oleh itu, USIM dan UPM dipilih sebagai sampel kerana kemudahan untuk mengakses maklumat yang diperlukan untuk mengkaji urus tadbir kedua-dua organisasi. Sampel kajian dipilih berdasarkan tahun kedua-dua organisasi mula beroperasi menguruskan zakat di universiti masing-masing iaitu pada tahun 2013.

4.0 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PUSAT WAKAF DAN ZAKAT (PWZ), UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menubuhkan Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW) pada tahun 2013 dibawah koordinasi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (TNCHEPA). Idea penubuhan PPPW adalah hasil cetusan idea Mantan Naib Canselor USIM, YBhg Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dalam Amanat Tahun Baharu Naib Canselor USIM 2013. Matlamat awal penubuhan PPPW adalah sebagai Pusat Tanggungjawab (PTj) yang membantu dalam pendanaan universiti melalui sumber dana wakaf seterusnya mewujudkan kelestarian kewangan universiti dan mengurangkan kebergantungan kepada pembiayaan kerajaan. Susulan itu, USIM telah menghantar permohonan kepada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bagi mendapatkan status mutawalli wakaf. Mesyuarat MAINS Kali ke-221 tahun 2013 yang bersidang pada 22 Julai 2013 telah bersetuju melantik USIM sebagai mutawalli yang diterajui oleh PPPW (Kamarudin, 2013).

Sebagai UA pertama di Negeri Sembilan, USIM turut berhasrat untuk menjadi salah satu IPT yang berperanan sebagai ejen atau penolong amil zakat. Oleh itu, USIM telah membuat permohonan kepada Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) pada 16 Februari 2015 sebagai ejen zakat. Tanggal 31 Disember 2015, PZNS telah bersetuju untuk melantik USIM sebagai ejen kutipan zakat khusus bagi kakitangan dan alumni USIM. Urusan zakat di USIM juga diterajui oleh PPPW (Musa, 2015).

4.1 Struktur Tadbir Urus PWZ USIM

Selaras dengan penambahan portfolio pengurusan zakat di PPPW, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Bil. 14/2017 pada 26 April 2017 memutuskan penjenamaan semula Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW) kepada Pusat Wakaf dan Zakat (PWZ). Semua urusan zakat yang sebelum ini diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dipusatkan dan diselaraskan di bawah PWZ. PWZ diamanahkan untuk membantu universiti meneroka dan mencari sumber dana zakat dan wakaf secara berterusan untuk tujuan projek pembangunan universiti serta menguruskan agihan kepada pelajar yang layak.

Pada tahun 2018, Mesyuarat JKPU Kali Ke-669 telah bersetuju untuk merombak struktur koordinasi Pusat Wakaf dan Zakat daripada portfolio TNCHEPA kepada Naib Canselor bermula 22 Januari 2018. Berkuatkuasa 1 November 2019 pula, Mesyuarat JKPU bertarikh 8 Oktober 2019 telah bersetuju dengan penukaran pengurus koordinasi PWZ kepada portfolio Bendahari USIM berstatus Pegawai Pengawal (PTj). Pada bulan November


2021, struktur pentadbiran zakat di PWZ diletakkan di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor (Penjanaan dan Kelestarian Kewangan) bersesuaian dengan agenda penjanaan dan kelestarian kewangan universiti melalui dana sosial. Sebagai PTj bertanggungjawab atas pendanaan untuk universiti, PWZ perlu membentangkan laporan kewangan komprehensif ke Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPKA) yang dipengerusikan oleh Naib Canselor. Mesyuarat ini di urusetriakan oleh Jabatan Bendahari dan diadakan pada setiap suku tahunan yang melibatkan semua PTj yang terlibat dalam aktiviti penjanaan/pendanaan. Selain itu, PWZ juga melapor kepada Pegawai Pengawal (PTj) bergantung kepada kekerapan mesyuarat yang diarahkan oleh Pegawai Pengawal (PTj). Laporan kepada Pegawai Pengawal (PTj) adalah lebih terperinci yang melibatkan urusan pentadbiran, kewangan, aktiviti dan operasi pejabat secara keseluruhan.

Bermula 1 April 2024, PWZ telah diletakkan semula di bawah portfolio Bendahari berdasarkan keputusan pengurusan universiti selari dengan penetapan segmen kelestarian dan kewangan yang dipertanggungjawabkan ke atas Bendahari universiti. Keputusan ini juga bertepatan dengan perkembangan terkini di mana Kementerian Pengajian Tinggi melancarkan Majlis Wakaf, Endowmen dan Zakat Universiti (MAWEZ) yang berfungsi sebagai badan penggerak pendanaan universiti.

Bagi memastikan pengurusan zakat universiti berjalan dengan lancar, PWZ telah menujuhkan dua jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Majlis Zakat USIM-MAINS (JKMZ) dan Jawatankuasa Agihan Zakat USIM (JKAZ) (Jawatankuasa Pengurusan Universiti, 2018). JKAZ dianggotai oleh Naib Canselor sebagai Pengurus, Pengarah PWZ sebagai Setiausaha, dan ahli yang terdiri daripada TNCHEPA, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNCAA), Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNCPI), Pendaftar, Bendahari, Penasihat Undang-undang (PUU), Pengurus Panel Syariah Audit SIRIM USIM dan Wakil MAINS/PZNS. Fungsi utama JKAZ adalah untuk menyemak laporan agihan zakat yang dilaksanakan dan memberi idea bagi memantapkan lagi pengurusan zakat USIM.


JKAZ pula dianggotai oleh TNCHEPA sebagai Pengurus, Pengarah PWZ sebagai Setiausaha, dan ahli yang terdiri daripada Bendahari, Pendaftar dan Pengarah Pusat Hal Ehwal Pelajar (PHEP). Fungsi utama jawatankuasa adalah untuk meluluskan permohonan zakat pelajar dan staf, dan sebarang permohonan zakat fisabilillah yang melebihi kuasa kelulusan Pengarah PWZ. Sebarang keputusan yang dibuat oleh JKAZ adalah berpandukan kepada garis panduan yang telah diluluskan oleh pengurusan tertinggi universiti.

Mesyuarat JKMZ dan JKAZ diurussetiakan oleh PWZ. Maklumat jawatankuasa adalah seperti yang diilustrasikan dalam Rajah 1.



Rajah 1. Jawatankuasa Zakat USIM

Pasukan PWZ diterajui oleh Pengarah, Timbalan Pengarah, dua orang Penolong Pendaftar, dua orang Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan seorang Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan). PWZ turut dibantu oleh pelajar-pelajar latihan industri dan Pekerja Sambilan Harian (PSH) dari masa ke masa. Dengan tenaga kerja tetap seramai tujuh orang, PWZ menguruskan keseluruhan pendanaan universiti yang melibatkan dana zakat, wakaf, endowmen dan infak. Sepanjang tahun 2022, PWZ telah mendana sebanyak RM3,853,460.78 (Pusat Wakaf dan Zakat, 2023) yang diagih semula kepada warga USIM yang berkelayakan melalui pelbagai jenis bantuan termasuk bantuan kewangan, alatan dan penganjuran program. Rajah 2 menunjukkan struktur organisasi PWZ bagi tahun 2023.



Rajah 2. Carta Organisasi PWZ

4.2 Garis Panduan Kutipan Dan Agihan Zakat PWZ, USIM

Aspek pengurusan dana zakat di USIM telah ditetapkan secara jelas dalam Garis Panduan Agihan Zakat untuk Asnaf Fakir, Miskin dan Fi Sabilillah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Universiti Sains Islam Malaysia, 2018). Dari sudut sumber kutipan, PWZ menyediakan pelbagai saluran bagi memudahkan pembayar zakat membuat bayaran ke arah mengoptimumkan kutipan dana zakat. Antaranya termasuklah melalui potongan gaji kakitangan secara bulanan, bayaran zakat di kaunter PWZ secara tunai dan bayaran melalui aplikasi Boost. PWZ juga menerima sumbangan zakat dari organisasi dan badan korporat melalui konsep wakalah yang diterima selepas bayaran zakat kepada Majlis Agama Islam Negeri.


Dana zakat yang diterima oleh PWZ daripada semua saluran diserahkan kepada MAINS pada setiap suku tahunan untuk diagih semula kepada asnaf USIM. Bagi kutipan melalui potongan gaji, USIM menerima agihan semula sebanyak 3/8 dari jumlah keseluruhan terimaan yang diserahkan kepada MAINS. Bagi bayaran zakat selain potongan gaji, USIM menerima agihan semula sebanyak 1/16 dari jumlah keseluruhan terimaan zakat. Pulangan semula agihan ini akan diagihkan oleh USIM kepada pelajar asnaf melalui PWZ.

Keutamaan agihan dana zakat adalah kepada pelajar asnaf. Perbincangan antara USIM dan MAINS pada tahun 2018 bagi tujuan penyediaan garis panduan agihan zakat di USIM telah mencadangkan supaya agihan zakat diutamakan kepada asnaf fakir dan miskin dalam kalangan pelajar termasuk juga Kakitangan USIM. PWZ juga mengagihkan peruntukan asnaf fisabilillah untuk aktiviti meningkatkan syiar Islam seperti program dakwah dan keilmuan termasuk seminar dan ceramah agama yang dinilai secara berhemat dan teliti mengikut keperluan semasa.


4.3 Proses Permohonan Zakat PWZ, USIM

Secara dasarnya, bantuan zakat yang diberikan kepada pelajar adalah berbentuk bantuan kewangan secara langsung meliputi dua golongan asnaf pelajar iaitu fakir dan miskin. Semakan asnaf di USIM dibuat berpandukan kadar had kifayah yang ditetapkan oleh MAINS. Bantuan ini disalurkan kepada pelajar sekali pada setiap semester. Dalam hal ini, pelajar perlu membuat permohonan melalui portal pelajar, iStudent, dalam tempoh yang ditetapkan. Proses permohonan zakat pelajar kini telah diintegrasikan melalui portal pelajar iaitu pelajar hanya perlu mengemaskini data seperti maklumat pendapatan isi rumah, adik-beradik yang masih belajar dan telah bekerja dan status terimaan biasiswa atau pinjaman pada setiap permohonan. Pelajar juga perlu memuat naik dokumen lampiran pengesahan maklumat pendapatan isi rumah dan salinan kad pengenalan tanggungan isi rumah bagi memastikan pengiraan had kifayah yang telus dan tepat.

Selepas tarikh permohonan zakat ditutup, data maklumat pelajar akan diintegrasikan dengan sistem Tullabiyyah, iaitu satu sistem yang dimiliki Pusat Hal Ehwal Pelajar untuk menyelaraskan bantuan kewangan dengan tajaan yang diterima oleh pelajar. Urusetia zakat di PWZ akan menyemak setiap permohonan dan dokumen bagi memastikan maklumat yang diisi adalah tepat. Selepas semua permohonan disemak dan disahkan, urusetia akan melakukan kiraan had kifayah menggunakan modul Pengiraan Had Kifayah yang juga sebahagian daripada sistem Tullabiyyah. Setelah selesai proses kiraan, PWZ akan membentangkan rumusan permohonan kepada JKAZ untuk kelulusan dan seterusnya membuat hebahan keputusan kelulusan kepada pelajar melalui Tullabiyyah dan seterusnya portal iStudent. Rajah 3 menunjukkan carta alir permohonan.

**Rajah 3.** Carta Alir Permohonan Zakat Pelajar

Penanda aras bagi penetapan kadar bantuan adalah tertakluk kepada jumlah yuran yang perlu dibayar oleh pelajar bagi meneruskan pengajian. Kadar yang diagihkan adalah bergantung kepada bilangan pelajar yang layak menerima bantuan serta kedudukan kewangan PWZ dan diputuskan oleh JKAZ. Bantuan yang diterima oleh pelajar bukanlah kadar yang tetap untuk setiap semester kerana PWZ perlu mengasingkan sebahagian dana bagi memastikan kelestarian dana. Berdasarkan Ringkasan Laporan Pusat Wakaf dan Zakat USIM Tahun 2022, USIM telah mengagih sejumlah RM768,957.50 kepada 680 orang pelajar asnaf fakir dan miskin. Rajah 4 menunjukkan ringkasan jumlah agihan kepada pelajar mengikut tahun.

**Rajah 4.** Ringkasan jumlah agihan kepada pelajar dari tahun 2019 hingga 2023.

Selain itu, PWZ juga meraikan penajaan program fisabilillah iaitu program bersifat dakwah dan keilmuan. Sepanjang tahun 2022, PWZ telah menyumbang kepada 25 program fisabilillah yang dianjurkan oleh pelajar, pensyarah dan kakitangan melibatkan jumlah kos sebanyak RM356,307.50 (Pusat Wakaf dan Zakat, 2023).

5.0 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PUSAT PENGURUSAN WAKAF, ZAKAT DAN ENDOWMEN (WAZAN), UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

Pengurusan zakat dan wakaf di Universiti Putra Malaysia (UPM) mula bertapak pada 17 Januari 2013 yang dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Bursar UPM dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Univeristi Putra Malaysia, 2023). Pada 29 Jun 2016, satu usaha bagi menumpukan pengurusan zakat, wakaf dan endowmen di bawah satu pusat telah dimulakan bagi kemudahan masyarakat sekitar UPM dan warga UPM khususnya. Pada 24 Ogos 2016, Bahagian Zakat, Wakaf dan Endowmen telah distukturkan semula menjadi sebuah jabatan.


Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen, UPM (WAZAN) secara rasminya ditubuhkan pada 1 Oktober 2016. Pengurusan WAZAN diletakkan terus di bawah Pejabat Naib Canselor UPM. Penubuhan WAZAN adalah penting dalam memperkasakan potensi dan momentum yang berterusan bagi aktiviti pendanaan yang berasaskan sumbangan kedermawanan seterusnya meletakkan transformasi tadbir urus kedermawanan UPM pada landasan yang tepat. Penubuhan WAZAN juga adalah selari dengan hasrat Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam Buku Ungu Pelan Transformasi Pendidikan Tinggi bagi menjana pendapatan universiti yang mampan dan lestari.

WAZAN telah diberikan status sebagai Penolong Amil oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) pada 8 Jun 2008 (Perjanjian Lanjutan Pelantikan Penolong Amil (IPTA), 2018) yang membolehkannya mengutip dan mengagihkan dana zakat dalam kalangan warga UPM. Berdasarkan perjanjian yang dipersetujui bersama, pihak LZS akan mengembalikan sebanyak 4/8 atau 50% agihan semula kepada WAZAN dengan pecahan 7/16 bahagian untuk diagihkan semula kepada lima golongan asnaf di UPM, iaitu fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan ibnu sabil dan 1/16 bahagian sebagai upah Penolong Amil untuk menguruskan hal ehwal berkaitan kutipan dan agihan dana zakat di UPM (Othman, 2019).

5.1 *Struktur Tadbir Urus WAZAN UPM*

Berdasarkan Perjanjian Lanjutan Pelantikan Penolong Amil (IPTA) (2018), pengurusan zakat WAZAN berdasarkan kepada dua jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat UPM (JKTAZUPM) dan Jawatankuasa Agihan Zakat UPM (JKAZUPM). JKTAZUPM terdiri daripada Naib Canselor sebagai Pengerusi, Pengarah WAZAN sebagai timbalan pengerusi, Bursar, Pendaftar, Pengarah Pusat Islam, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pakar Rujuk dan Ketua Jabatan LZS/Wakil sebagai ahli, dan Ketua Seksyen Pengurusan Zakat sebagai setiausaha. Tabung Amanah Zakat UPM adalah tertakluk kepada Panduan Pengurusan Penolong Amil IPT serta terma dan peruntukan undang-undang bertulis dan peraturan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh LZS dari semasa ke semasa. Jawatankuasa ini tertakluk kepada Fatwa Sistem Pengurusan Agihan Zakat Negeri Selangor dan tatacara khusus bagi pengendalian dasar agihan yang telah ditetapkan oleh LZS. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk mengagihkan dana zakat kepada asnaf fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan ibnu sabil di UPM.

JKAZUPM pula dianggotai oleh Pengarah WAZAN sebagai Pengerusi, Ketua Seksyen Pengurusan Zakat sebagai Timbalan Pengerusi, dan ahli yang terdiri daripada Pengarah Pusat Islam, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar/wakil, Wakil Pendaftar UPM (zon bertanggungjawab), Ketua Bahagian Kaunseling UPM/wakil, YDP Majlis Perwakilan Pelajar, Penolong Pegawai Seksyen Pengurusan Zakat, dan Eksekutif Operasi Agihan Zakat Daerah LZS. JKAZUPM berfungsi untuk mempertimbang dan meluluskan sebarang permohonan zakat seperti permohonan program melebihi kadar RM3,000. Melalui dua jawatankuasa ini, UPM melalui Bendahari UPM bertanggungjawab untuk menghantar pelaporan kewangan yang disahkan kepada LZS bagi tahun kewangan semasa.



Rajah 5. Struktur Jawatankuasa Zakat di WAZAN UPM

5.2 Kutipan Dan Agihan Zakat WAZAN UPM


Kaedah kutipan dan agihan zakat yang dilaksanakan oleh WAZAN adalah tertakluk kepada Panduan Pengurusan Penolong Amil IPT yang diterbitkan oleh Lembaga Zakat Selangor. Pada tahun 2022, WAZAN telah mengutip sebanyak RM8,698,444.94 melalui dua kaedah kutipan iaitu skim potongan gaji dan kutipan di kaunter masing-masing berjumlah RM5,149,698.43 dan RM3,548,746.51 (Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Univeristi Putra Malaysia a, 2023). Berdasarkan Perjanjian Pelantikan Penolong Amil (IPTA) antara WAZAN UPM dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS), WAZAN layak menerima sejumlah 50% agihan semula dengan pecahan 7/16 (43.75%) untuk asnaf UPM dan 1/16 (6.25%) untuk dana pengurusan atau dana amil.

Berdasarkan Laporan Agihan Dana Zakat Keseluruhan Tahun 2022 yang diterbitkan di laman web WAZAN UPM, WAZAN telah mengagih sejumlah RM3,541,328.37 iaitu keseluruhan dari jumlah agihan semula untuk asnaf UPM yang diterima daripada Lembaga Zakat Selangor. Dana ini telah diagih kepada lima golongan asnaf UPM yang layak dan berhak iaitu asnaf fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan ibnu sabil. Penerima zakat dari kategori asnaf fakir dan miskin adalah berjumlah 3,154 orang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM2,725,180.75.

5.3 Proses Permohonan Zakat WAZAN, UPM

Zakat UPM boleh dimohon melalui dua kaedah iaitu secara dalam talian dan bantuan segera yang diproses dalam tempoh hari yang sama (Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Univeristi Putra

Malaysia, 2022). Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan dalam portal eWAZAN. Pegawai bertugas akan membuat pengesahan yang melibatkan semakan maklumat, pengesahan dokumen, penentuan asnaf, pengiraan had kifayah dan penetapan kod, jenis dan kadar bantuan. Seterusnya, pelajar perlu hadir ke pejabat bagi sesi temuduga dan pertimbangan sokongan oleh pegawai bertanggungjawab. Setelah dipertimbangkan kelulusan oleh pegawai, pemohon akan dimaklumkan keputusan permohonan melalui emel dalam tempoh 21 hari bekerja. Bantuan zakat akan dikreditkan ke dalam akaun pemohon yang berjaya. Carta alir proses permohonan zakat UPM adalah seperti berikut:



Rajah 6. Carta Alir Permohonan Zakat UPM

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa kerjasama antara Majlis Agama Islam dan UA dalam bidang kuasa zakat sangat membantu universiti dalam meningkatkan taraf pendidikan pelajar terutama pelajar golongan asnaf. Tadbir urus sedia ada yang cekap beserta garis panduan yang mampan terbukti berupaya untuk melonjakkan peranan UA dalam aspek pengurusan zakat di Malaysia. Walau bagaimanapun, penambahbaikan perlu dilakukan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, bidang kuasa UA bagi aspek kutipan zakat boleh dipertimbangkan dengan memperluaskan skop kutipan kepada komuniti setempat sekitar universiti dan bukan sahaja dalam kawasan kampus.

Perbandingan tadbir urus zakat PWZ dan WAZAN mendapat tiada perbezaan yang ketara antara kedua-dua UA. Perbezaan hanyalah dari sudut

keahlian jawatankuasa di pusat zakat menerusi keterlibatan pihak berkuasa agama negeri dalam jawatankuasa zakat. Di USIM penglibatan wakil MAIN hanyalah dalam Jawatankuasa Majlis Zakat MAINS-USIM sebagai satu-satunya jawatankuasa zakat. Manakala di UPM, terdapat wakil dari Lembaga Zakat Selangor dalam kedua-dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat UPM (JKTAZUPM) serta jawatankuasa Agihan Zakat UPM (JKAZUPM). Umumnya, tiada perbezaan ketara bagi fungsi kedua-dua jawatankuasa di PWZ dan WAZAN. Ringkasnya, struktur sedia ada di kedua-dua pusat zakat dilihat mampu merealisasikan tadbir urus zakat universiti di UA dengan lancar, efektif dan efisien demi kemaslahatan warga kampus.

Beberapa tindakan proaktif boleh diambil oleh pihak yang terlibat bagi menambahbaik pengurusan zakat di UA. Pihak universiti perlu memberi kuasa dan keutamaan kepada PTj yang menguruskan zakat dengan membuat pelarasian kepada warga universiti supaya sebarang program atau permohonan berkaitan zakat mestilah melalui pusat yang telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan zakat. Penyertaan sektor korporat seperti syarikat swasta dan badan koperasi termasuk orang awam dalam pembayaran zakat di UA khususnya USIM amat dialu-alukan dan begitu signifikan bagi mengoptimumkan saiz dana untuk diagihkan kepada lebih ramai pelajar asnaf yang memerlukan.

7.0 PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pusat pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) atas pembiayaan geran penyelidikan yang telah didaftarkan di bawah kod FRGS/1/2023/SSI13/USIM/01/1.

8.0 RUJUKAN

- Allah Pitchay, A., Ibrahim, H., Daud, R., Hassan, N., & Abdul Mokmin, I. (2020). Zakat and Hope Model: Case of Universiti Sains Malaysia. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2(2), 236–243.
- Hashim, N., & Mustaffa, M. Z. (2012). Pengurusan Zakat Di IPTA: Pengalaman Dan Cabaran Di UiTM. *8th Academic Conference*.
- Jalil, M. R., Wahid, H., & Ahmad, S. (2018). Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 10(1), 51–72. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol10no1.28>
- Jawatankuasa Pengurusan Universiti. (2017). ,4.1 PENJENAMAAN NAMA PUSAT PEMBIAYAAN WAKAF (PPPW) KEPADA PUSAT WAKAF DAN ZAKAT (PWZ) BERSAMA STRUKTUR PENTADBIRAN'. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-641 Bil. 14/2017 Universiti Sains Islam Malaysia. 26 April 2017. Universiti Sains Islam Malaysia. Bilik Mesyuarat Naib Canselor.
- Jawatankuasa Pengurusan Universiti. (2018). ,4.1 CADANGAN PENUBUHAN JAWATANKUASA MAJLIS ZAKAT USIM DAN AGIHAN ZAKAT UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA'. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali Ke-670 Bil. 4/2018 Universiti Sains Islam Malaysia. 30 Januari 2018. Universiti Sains Islam Malaysia. Bilik Mesyuarat Naib Canselor.
- Kamarudin, Kamal Amran. (23 Julai, 2013). [PERMOHONAN USIM SEBAGAI MUTAWALLI DANA WAKAF ABRAR USIM]. (KEW/BAIT-NS 400-5/16 Jld. 9 (2)).
- KPT - Program IZaWeN Sasar Perkasa Dana zakat, Wakaf Dan Endowmen Di IPT. (n.d.). <https://www.mohe.gov.my/hebahan/sorotan-aktiviti/program-izawen-sasar-perkasa-dana-zakat-wakaf-dan-endowmen-di-ipt>
- Lembaga Zakat Selangor. (2017). *Panduan Pengurusan Penolong Amil Institut Pengajian Tinggi*.
- Md Ismail, M. N., & Ali, N. A. (2022). Simulasi Bantuan Zakat Oleh Penolong Amil Institusi Pengajian Tinggi Di Selangor. *Online Journal Of Islamic Management And Finance*, 2(2), 103–116.

Musa, Nor Azmi. (31 Disember, 2015). *Pelantikan Sebagai Agen Kutipan Zakat.* (Bil. (26) PZNS-MAINS (PPB)01/02/Kit.

Othman, R. (2019). Agihan Zakat Pendidikan Tinggi: Satu Pendekatan Baharu Di Wazan, UPM. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 1(2), 13–22.

Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Univeristi Putra Malaysia. (2018). *Perjanjian Lanjutan Pelantikan Penolong Amil (IPTA).* https://wazan.upm.edu.my/upload/dokumen/20210928101523PERJANJI_AN_ZAKAT.pdf

Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Univeristi Putra Malaysia. (2023, 19 Januari). *Laporan Kutipan Zakat 2022.* <https://wazan.upm.edu.my/zakat/kutipan/2022-68647>

Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Univeristi Putra Malaysia. (2023, 18 Januari). *Laporan Agihan Dana Zakat Keseluruhan Tahun 2022.* <https://wazan.upm.edu.my/zakat/agihan/2022-67068>

Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) Univeristi Putra Malaysia. (2022, 14 Oktober). *Bagaimana Proses Permohonan Zakat?.* https://wazan.upm.edu.my/permohonan_zakat/permohonan_zakat_pela_jar/bagaimana_proses_permohonan_zakat-63697?L=bm

Pusat Wakaf dan Zakat Universiti Sains Islam Malaysia. (2023, Mei). *Laporan Tahunan. Pusat Wakaf dan Zakat, Universiti Sains Islam Malaysia.* <https://pwz.usim.edu.my/muat-turun-2/>

Universiti Sains Islam Malaysia. (2018). *Garis Panduan Agihan Zakat Untuk Asnaf Fakir, Miskin Dan Fi Sabilillah Di Universiti Sains Islam Malaysia.* Unpublished internal company document.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.